

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01 / 08 / 2007

---

## Penyertaan bumiputera diperkasa

um- 1/8/2007

BUTTERWORTH 31 Julai - Kerajaan negeri memberi jaminan akan memastikan penyertaan bumiputera dalam pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) di Pulau Pinang diperkasakan melalui pelbagai sektor khususnya hartanah.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, penyertaan mereka akan disokong oleh syarikat milik kerajaan (GLC) bagi memastikan bumiputera tidak ketinggalan dalam projek pembangunan Koridor Utara itu.

"Penyertaan golongan bumiputera akan melalui sokongan GLC dan entiti syarikat hartanah bumiputera dan pelabur tempatan yang mempunyai asas kewangan kukuh dan saya yakin mereka akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Koridor Utara peringkat Pulau Pinang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Padang Pemuda Merdeka di sini hari ini.

Tsu Koon berkata, semua pihak termasuk golongan bumiputera akan berkongsi manfaat berikutan syarikat GLC dan sektor swasta akan menjadi pemacu utama bagi menjayakan sasaran Pulau Pinang sebagai hab logistik untuk Koridor Utara.

Beliau berkata, walaupun pembangunan sektor komersial dan perumahan banyak didukung oleh GLC dan pelabur tempatan, namun kerajaan mungkin akan menimbangkan pelaburan asing bagi merancakkan sektor hartanah pada masa depan.

Menurutnya, negeri itu juga akan memberi tumpuan menarik pelabur asing dalam sektor elektrik dan elektronik bagi mengukuhkan kemajuan bidang ICT.